

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans motor anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga ini?

Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga ialah pakej tambahan dengan premium tambahan yang hanya boleh dibeli bersama produk insurans pihak ketiga motosikal yang ditawarkan oleh kami. Pakej ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada anda, penunggang yang dibenarkan anda dan/atau pembonceng akibat kecederaan, ketidakupayaan atau kematian yang disebabkan oleh kejadian kemalangan, ganas, luaran dan dapat dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM30.24 setahun (termasuk cukai perkhidmatan)**, anda akan menerima perlindungan **Pelan 3*** berikut:

Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga anda melindungi:

No	Manfaat-Manfaat	Jumlah Diinsuranskan		
		Motosikal PA Pelan 1 (Orang yang Diinsuranskan)	Motosikal PA Pelan 2 ('All-Riders')	Motosikal PA Pelan 3* ('All-Riders' & Pembonceng)
1	Kematian akibat kemalangan / hilang keupayaan kekal sehingga had	RM6,000	RM6,000	RM6,000 setiap orang
2	Perbelanjaan pengubuman akibat dari kemalangan sehingga had	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	RM1,000 setiap orang
3	Manfaat bayaran ambulans akibat dari kemalangan sehingga had	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	RM250 setiap orang
Premium Tahunan (Sebelum Cukai Perkhidmatan)		RM13.00	RM18.00	RM28.00

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga Pelan 3 ini, anda mesti membayar premium berikut:

Premium Kasar	RM28.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM2.24
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM30.24
Di mana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM2.80

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Premium ini adalah sah setakat 01/11/2025.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans ini hanya berkuat kuasa selepas premium telah dibayar sepenuhnya (cash before cover).
C	Tiada tambahan duti setem dikenakan dan pakej ini hanya boleh dibeli bersama produk pihak ketiga motosikal.
D	Kami akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam jadual manfaat. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah manfaat ini, manfaat tersebut akan ditamatkan secara automatic.
E	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: <ul style="list-style-type: none">• Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam.• Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan.• Sila muat turun aplikasi Liberty One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dail 1 300 88 8990 untuk bantuan.
F	Sebarang tuntutan manfaat-manfaat di bawah pakej ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD dan tiada akses akan dikenakan.
G	Pengembalian semula perlindungan manfaat-manfaat yang disediakan adalah tidak dibenarkan. Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga hanya boleh dibeli semula semasa pembaharuan produk pihak ketiga motosikal.
H	Sila rujuk endorsmen Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga untuk mendapatkan butiran penuh mengenai perlindungan ini.

? Bolehkah saya batalkan Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium Liberty Ezy Plus Pakej Motosikal – Pihak Ketiga sekiranya tiada tuntutan telah dibuat.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi motor.